

04 DEC 2002

LIM TERIMA APA SAJA KEPUTUSAN PARTI

PULAU PINANG, 4 Dis (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Datuk Keramat di sini Lim Boo Chang, akur dengan sebarang keputusan oleh MCA berhubung tuduhan beliau melanggar disiplin kerana tidak mengundi menentang satu usul pembangkang baru-baru ini.

Katanya, beliau akan menerima apa sahaja keputusan parti dengan hati terbuka dan tidak mahu memanjangkan lagi isu berkenaan.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada parti kerana memberi peluang untuk mendengar sendiri daripada saya mengenai apa yang berlaku," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Lim dan seorang lagi wakil rakyat MCA Tan Cheng Liang (Jawi) baru-baru ini menimbulkan kontroversi apabila mereka mengambil keputusan untuk berkecuali mengenai usul oleh DAP yang meminta kerajaan menangguhkan Projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir yang mengulas tindakan kedua-dua wakil rakyat Barisan Nasional itu baru-baru ini berkata, kedua-dua wakil rakyat itu boleh dikenakan tindakan kerana tindakan mereka itu yang melanggar disiplin sebagai wakil rakyat dari BN.

Pada mesyuarat Majlis Presiden MCA semalam, presiden parti itu Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, kes kedua-dua wakil rakyat itu akan dirujuk kepada Jawatankuasa Disiplin parti secepat mungkin, dan kedua-dua mereka harus diberi peluang untuk memberi penjelasan mengenai tindakan mereka itu.

Tan pula enggan mengulas ketika dihubungi.

--BERNAMA

AZE MAI